

D366

U B148 AAB

NAM - IKHTISAR
DARIPADA MUSA SCULLY
(I)

HARERE, 5 SEPT (BERNAMA) -- GAMBAR PERDANA MENTERI MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TERSIAR DALAM HARIAN DAILY HERALD -- TETAPI PADA HALAMAN SUKAN MUKA BELAKANG.

SEORANG PEMBERITA AKHBAR YANG MEMPUNYAI PENGEDARAN YANG LUAS DAPAT MENANYAKAN PENDAPAT PERDANA MENTERI SEWAKTU BELIAU HENDAK MENINGGALKAN PERSIDANGAN AKHBAR PADA HARI RABU MENGENAI CADANGAN MENGANJURKAN SUKAN PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI.

PERDANA MENTERI DIKUTIP SEBAGAI BERKATA, +KITA MEMANG MUDAH DIPENGARUHI OLEH PERASAAN UNTUK MENCETUSKAN PEMIKIRAN SEPERTI ITU. TETAPI CADANGAN ITU HARUSLAH DIFIKIRKAN DALAM-DALAM. BUKANLAH MUDAH HENDAK MENGANJURKANNYA KERANA PENDUDUK NEGARA-NEGARA BERKECUALI BUKANLAH KAYA.+

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MUNCUL DI KACA TELEVISYEN PADA MALAM KHAMIS, 3 SEPT APABILA MEREKA DAPAT MEMETIK GAMBAR PENUH DIRI BELIAU KETIKA SEDANG MENYAMPAIKAN UCAPANNYA. -- LAGI.
1058MST 05 09 86

D381

U B156 AAB

NAM - IKHTISAR 2 HARERE

PEMIMPIN LIBYA MUAMMAR GADDAFI SEMALAM MENGANCAM MENGUNDURKAN NEGARANYA KELUAR DARIPADA PEGERAKAN ITU DENGAN APA YANG DIKATAKANNYA SEBAGAI NAM YANG TIDAK BERGUNA, TIDAK BERTERAS DAN PENUH DENGAN PERISIK +IMPERIALIS+.

BELIAU BERKATA ZAIRE, IVORY COAST, CAMEROON DAN JORDAN SEBAGAI KUNCU AMERIKA SYARIKAT. NEGARA ANGGOTA KOMANWEL PULA, KATANYA HARTA BRITAIN.

DENGAN BERPAKAIAN BAJU MERAH, KOT BIRU DAN DISELIMUTI JUBAH PUTIH, PEMIMPIN LIBYA ITU BERUCAP KIRA-KIRA 70 MINIT.

PARA WARTAWAN BEREBut-REBUT MENDAPATKAN TEMPAT DI HADAPAN DUA PETI TV DI PUSAT MEDIA ITU UNTUK MENDENGAR UCAPANNYA.

WANITA PENGAWALNYA, BERPAKAIAN TENTERA, MELAUNG-LAUNGAN SLOGAN ANTI-AMERIKA KETIKA BELIAU MENGANGKAT PENUMBUKNYA BEBERAPA KALI.

BELIAU DIFAHAMKAN MEMPUNYAI 20 HINGGA 30 PENGAWAL YANG BERGERAK KE MANA BELIAU PERGI: WANITA BERKENAAN DILENGKAPI SENJATAPI DAN MEREKA BIASANYA BERJALAN DI SEBELAHNYA: DI BELAKANGNYA PULA PENGAWAL LELAKI YANG DIKATAKAN SEBAGAI PEMERHATI PADA WANITA ITU.

BAGAIMANAPUN, SEJAUH INI TIDAK SIAPA PUN DAPAT MENGATAKAN BILAKAH LIBYA AKAN KELUAR DARIPADA PERGERAKAN ITU.

APABILA BERCAKAP MENGENAI PENGAWAL KESELAMATAN, BEBERAPA KEJADIAN DILAPORKAN BERLAKU ANTARA PENGAWAL YANG MENGIRINGI KETUA-KETUA NEGARA TERUTAMA DARI ASIA BARAT DENGAN PENGAWAL TEMPATAN
- LAGI

1126MST 05 09 86

0382

U B160 AAB

NAM - IKHTISAR 3 HARERE

SEORANG MENTERI MUDA DARI NEGARA ASEAN YANG MENGHADIRI MESYUARAT JAWATANKUASA POLITIK NAM DENGAN TIDAK DISENGAJAKAN DIBERIKAN TANDA PENGENALAN YANG SALAH YANG JUGA LEBIH RENDAH KEDUDUKANNYA.

INI MENYEBABKANNYA TERPAKSA MENJELASKAN PERKARA ITU, KETIKA HENDAK MENGHADIRI MESYUARAT BERKENAAN.

OLEH KERANA LEBIH BANYAK PEMIMPIN INGIN BERUCAP, PENERUSI ROBERT MUGABE MELANJUTKAN PERSIDANGAN SEHINGGA LEWAT MALAM. INI MENYEBABKAN PENTERJEMAH KELUAR KERANA TIDAK TAHAN LAGI MENGIKUTI PERSIDANGAN DAN MESYUARAT JAWATANKUASA ITU.

WARTAWAN YANG SEBELUM INI MEMBELI LAPORAN DRAF POLITIK DAN EKONOMI DENGAN HARGA SEHINGGA Z\$25 MUNGKIN TERPAKSA MEMBELANJAKAN WANG LEBIH DARIPADA JUMLAH ITU KERANA BANYAK PERUBAHAN DIBUAT DALAM LAPORAN BERKENAAN.

SEORANG WAKIL BERKATA PINDAAN TERHADAP SALAH SATU LAPORAN SAHAJA DIBUAT SEHINGGA LEBIH MUKA SURAT LAPORAN ITU SENDIRI.

SEMENTARA ITU, KHABAR-KHABAR ANGIN BERTIUP DI KALANGAN WARTAWAN LIBERIA DI PUSAT MEDIA BAHAWA MALAYSIA DAN PERU MUNGKIN MENJADI TUAN RUMAH PERSIDANGAN KEMUNCIAK YANG AKAN DATANG.

IRAN MEMBUAT LAPORAN BANTAHAN TERHADAP PERBADANAN PENYIARAN ZIMBABWE (ZBC) APABILA SATU SIARAN LANGSUNG MENGENAI UCAPAN PRESIDEN ALI KHAMENI TIBA-TIBA DIPOTONG PADA 2 SEPT. MENTERI PENERANGAN ZIMBABWE, NATHAN SHAMUYARIRA MEMINTA MAAF DAN BERJANJI BAHAWA UCAPAN PRESIDEN ITU AKAN DISIARKAN SEMULA. -- LAGI
1129MST 05 09 86

0398

R B165 AAB

NAM - IKHTISAR 4 HARERE

SEBUAH LAGI DISKO DIBUKA, MENURUT LAPORAN AKHBAR YANG BERTAJUK: +BAGI WARTAWAN NAM YANG KESUNYIAN.+

IA DIADAKAN DI DEWAN MASYARAKAT ACADIA DAN AKAN JUGA MENGADAKAN MUZIK TRADISIONAL. BAYARAN DIKENAKAN Z\$3 SEORANG.

SEBUAH DISKO LAGI IALAH DI KAMPUS UNIVERSITI ZIMBABWE. ADA JUGA WARTAWAN YANG TINGGAL DI DUA BUAH KOLEJ PERGURUAN BERSUNGUT TENTANG +KESUNYIAN PADA WAKTU MALAM,+ MENURUT AKHBAR ITU.

PEMBURUAN TERHADAP BADAK SUMBU DI ZIMBABWE AKAN BERKURANGAN EKORAN KERAJAAN MENINGKATKAN USAHA MENGHENTIKAN PERDAGANGAN DI RANTAU ASIA TENGGARA DI BAWAH KEMPEN +SELAMATKAN BADAK SUMBU+. -- BERNAMA.

1159MST 05 09 86